

25/12/2003

Zhu Liang fahami Malaysia dengan Muzium Negara, Dr M

MENJADI seorang jurulatih di negara asing tidak hanya memerlukan skil dan pengalaman untuk membantu membimbing anak didiknya tapi buat jurulatih terjun negara, Yang Zhu Liang ilmu berhubung negara tempat mencari rezeki juga perlu ada.

Jurulatih berasal dari China itu yang berjaya membantu negara memenangi emas dalam acara terjun di Sukan Sea berkata, dia gemarkan sejarah dan antara bahan bacaannya ialah mengenai kepimpinan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bahan bacaan berkenaan itu tidak sekadar diperolehi di Malaysia, sebaliknya dia sudah mendapatnya ketika di China.

"Saya suka membaca mengenai sejarah sesebuah negara dan bagi Malaysia sejarah yang saya baca ialah berhubung kepimpinan Dr Mahathir yang memberi kesan pembangunan yang pesat. Saya kagum cara beliau memimpin negara ini," katanya yang tinggal di Malaysia hampir tiga tahun.

Di samping membaca bahan sejarah, Zhu Liang yang membantu bekas jaguh terjun negara seperti Yeoh Kenn Nee dan Mohd Azheem Bahari cemerlang turut mengunjungi Muzium Negara bagi menambahkan lagi pengetahuannya.

Selain mengunjungi tempat bersejarah, Zhu Liang juga gemarkan kemodenan yang ada di Malaysia dan lokasi yang menjadikan kegemarannya ialah Menara Berkembar Kuala Lumpur (KLCC) serta pusat membeli belah sekitar Bukit Bintang.

"Saya seronok tinggal di Malaysia, bukan saja layanan yang diberikan pihak Majlis Sukan Negara (MSN) begitu memuaskan sebaliknya rakyat negara ini juga peramah.

"Selain seronok tinggal di Kuala Lumpur, saya gemarkan Pulau Pinang dan Kota Kinabalu kerana pantainya cantik," katanya yang gemarkan roti canai, kari kepala ikan dan teh tarik.

Ketika ditanya berhubung hubungannya dengan atlit bimbingannya, Zhu Liang berkata mereka sangat rapat dan bagi menghargai pencapaian atlitnya dia akan membawa mereka keluar makan di restoran dan tidak lupa mengadakan sambutan hari jadi buat mereka.

Berhubung bahasa pula dia tidak menghadapi masalah kerana ada anak buahnya yang boleh berbahasa Mandarin dan dia juga mampu berbahasa Inggeris.